

1974

152

KUALA LUMPUR, 18 NOV. (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENEKANKAN MUSTAHAKNYA PARA GURU BESAR MEMPELAJARI DENGAN LEBIH MENDALAM CARA-CARA MENTADBIR SEKOLAH-SEKOLAH DENGAN LEBIH BERKESAN.

KATANYA, GURU-GURU BESAR SEHARUNYA TAHU MENGELOLAKAN URUSAN SEKOLAH DENGAN CEKAP DAN BERKEBOLEHAN BAGI MENCERMINKAN KELICINAN PENTADBIRAN SEKOLAH MASING-MASING.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERESMIKAN KURSUS PENTADBIRAN PENDIDIKAN DAN PENGURUSAN MODEN KE-LIMA BAGI GURU-GURU BESAR SEKOLAH RENDAH DI DEWAN MAKTAB PERGURUAN TEKNIK, JALAN CHERAS DI SINI.

MENTERI ITU BERKATA KURSUS SEUMPAMA ITU PENTING BAGI MENGAJAR DAN MENAMBAHKAN PENGETAHUAN GURU-GURU BESAR DALAM ILMU PENTADBIRAN PENDIDIKAN DAN PENGURUSAN ASPEK-ASPEK PENTING DALAM PERTUBUHAN-PERTUBUHAN KOMPLEKS SEPERTI SEKOLAH-SEKOLAH.

BELIAU MEMBERITAHU PARA-PESERTA KURSUS DALAM LAWATANNYA KE SEKOLAH-SEKOLAH SERING KALI BELIAU DAPATI SEKOLAH-SEKOLAH TIDAK DITADBIRKAN DENGAN SEMPURNA DAN KEADAANNYA BEGITU BURUK.

KATANYA, PARA GURU BESAR TIDAK MENJALANKAN URUSAN DENGAN BEGITU CEKAP MUNGKIN KERANA TIDAK DIBERI LATIHAN MENGENAI CARA-CARA PENTADBIRAN.

SERAMAI 237 ORANG PARA PESERTA DARI SEMENANJUNG MALAYSIA MENGIKUTI KURSUS 12-HARI ANJURAN KEMENTERIAN PELAJARAN.

TIMBALAN PENGARAH LATIHAN GURU, ENCIK ISA RAMLI, BERKATA TAHUN DEPAN KURSUS SEUMPAMA INI AKAN MELIPUTI GURU-GURU BESAR DARI SEKOLAH-SEKOLAH DI SABAH DAN SARAWAK.

— BERNAMA 1243/ZCM